but adalah mengenai notis tuntutan dalam Borang 16D yang telah dikeluarkan oleh plaintif di bawah s 254 KTN. Sayugia disebutkan di sini, bahawa isu yang dibangkitkan oleh pihak defendan adalah dibuat secara sambilan, iaitu sebagai bantahan awal (preliminary objection) tanpa apa-apa afidavit yang menunjukkan merit di dalam bantahan pihak defendan. Pada pendapat saya, oleh kerana tugas membukti (onus) bahawa terdapatnya 'the existence of cause to the contrary' di bawah s 257(3) dikenakan kepada pihak defendan, maka tidaklah memadai bagi pihak tersebut hanya membuat bantahan awal. Adalah menjadi kewajipan pihak defendan membuktikan akan adanya 'cause to the contrary' dengan secara afidavit dengan mencatitkan di dalam afidavit butir-butir yang menunjukkan merit. Peguam memohon masa bagi memasukkan afidavit yang berkenaan hanya setelah saya menolak bantahan pihak defendan.

Bagaimanapun, saya telah mengkaji hujah-hujah peguam mengenai Borang 16D, yang mana beliau menghujah bahawa pihak defendan tidak diberi peluang menjelaskan hutangnya mengikut s 254 KTN sebelum Borang 16D dikirim kepada defendan. Saya menolak bantahan ini dan berpendapat bahawa defendan tidak berjaya membuktikan bahawa beliau mempunyai merit. Dengan lain perkataan, saya berpuas hati bahawa beliau tidak menunjukkan apa-apa 'existence of cause to the contrary' di bawah s 257(3) KTN. Setelah mengkaji notis tuntutan (KWK3) di dalam lampiran 2, serta jawapan balas yang terdapat di dalam afidavit Encik Hoe, peguam bagi pihak plaintif (lampiran 13), saya amatlah berpuas hati bahawa pihak plaintif ada mengeluarkan surat tuntutan peguam bertarikh 21 September 1987 memberitahu pihak defendan baki hutangnya serta menuntut agar defendan menjelaskan baki hutang tersebut di dalam masa tujuh hari setelah penerimaan surat tuntutan itu. Namun demikian, tidak ada apa-apa bayaran dibuat oleh defendan. Ekoran dari surat tuntutan ini, maka pada 27 Februari 1988, pihak plaintif telah mengeluarkan Borang 16D, yang dengan nyatanya menyebut bahawa pihak defendan telah melakukan kemungkiran (breach) dan menuntut supaya beliau membuat pemulihan (remedy), jikalau tidak pihak plaintif akan memohon perintah lelong di bawah s 257. Alasan saya ini adalah berpandukan dan disokong oleh kes *Jacob* lwn *OCBC, Ipoh.*[1]

Berdasarkan fakta-fakta dan alasan yang tersebut di atas, saya juga enggan mengeluarkan sijil di bawah Perintah 56 kaedah 2(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi penghujahan selanjut dibuat di mahkamah terbuka.

Permohonan dibenarkan.

Peguam: *Lim Cheng Poh, Lim & Rahim*; *Tan Beng Hong & Co.*

Dilapurkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*

Malaysian Finance Corp Bhd lwn Quality Tractors (M) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) - GUAMAN SIVIL NO 280-1979
ABDUL RAZAK H
12 MEI 1989

Kontrak - Sewa beli - Jaminan - Tuntutan - Tanggungan pinjaman - Samada tuntutan perlu dibuat - Akta Sewa Beli 1967, s 4 & 6(2)

Di dalam kes ini, pihak plaintif telah bersetuju menerima cadangan-cadangan dari bakal-bakal penyewa barang-barang defendan kesatu, untuk mendapatkan kemudahan sewa beli bagi penyewa-penyewa yang dikemukakan dari masa ke semasa oleh defendan kesatu mengikut peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian induk itu. Sebagai balasan kepada plaintif memetrikan perjanjian itu, defendan kedua, ketiga, keempat dan kelima telah membuat perjanjian dengan pihak plaintif, bahawa mereka bersama-sama dan berasingan bersetuju akan menanggung rugi plaintif apabila dituntut segala jumlah yang terhutang kepadanya oleh defendan kesatu di bawah perjanjian tersebut. Pihak defendan telah melanggar perjanjian itu dan sebab itu sebanyak $359,255.50 masih terhutang dan belum dijelaskan. Plaintif menuntut jumlah itu dan juga faedah. Defendan kesatu dan kelima telah menjadi muflis dan defendan ketiga tidak dapat dikesan. Perbicaraan oleh itu adalah terhadap defendan kedua dan keempat sahaja.

Defendan kedua dan keempat tidak mempertikaikan jumlah yang dihutang tetapi mempersoalkan samada defendan kesatu ada membuat perjanjian dengan pihak-pihak penyewa tersebut dan mempertikaikan samada barang-barang terbabit telah diserahkan kepada pihak pembeli. Pihak plaintif juga didakwa tidak mematuhi syarat-syarat di bawah ss 4 dan 6(2) Akta Sewa Beli 1967. Oleh kerana perjanjian sewa beli itu dikatakan tidak sah, defendan mendakwa mereka tidak wajib membayar apa-apa di bawah perjanjian menjamin itu. Pihak defendan juga membangkitan bahawa tidak ada permintaan dibuat oleh plaintif.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif:

(1) Di bawah perjanjian itu, defendan kesatu dikehendaki menanggung segala kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pihak plaintif samada timbul dari pencabulan terhadap perjanjian induk itu, atau timbul dari sebab perjanjian sewa beli itu sendiri tidak sah, atau menjadi tidak sah atas apa-apa sebab pun terhadap pihak-pihak yang menyewa. Oleh kerana itu, tidak kira kedudukan antara pihak plaintif dan pihak penyewa, sah atau tidak sah, pihak defendan kedua ke kelima adalah bertanggungjawab menanggung segala kerugian plaintif sekiranya defendan kesatu gagal membayar jumlah wang yang harus dibayar di bawah perjanjian sewa beli antara plaintif dan pihak-pihak penyewa.

(2) Adalah kaedah amalan yang tidak asing lagi bahawa perlulah bagi pihak defendan membangkitkan bantahan terhadap kegagalan plaintif membuat permohonan itu di dalam kenyataan pembelaan atau afidavitnya tetapi ini telah tidak dilakukan.

[In this case, the plaintiff had agreed with the first defendant to accept proposals from prospective hire-purchasers recommended by the first defendant from time to time and arrange for hire-purchase facilities for them according to the conditions laid down in the agreement. The second, third, fourth and fifth defendants agreed to indemnify the plaintiff against losses suffered by the plaintiff as a result of the failure of the first

defendant to pay any amounts due under the transactions. The first defendant had defaulted in his payments and a sum of $359,255.50 was owing. The plaintiff claimed this sum from the defendants. The first and fifth defendants had become bankrupt and the third defendant was untraceable. The action was therefore heard against the second and fourth defendants. The second and fourth defendants did not deny the amount owing but queried whether the first defendant did enter into agreements with the hire-purchasers and whether the goods had in fact been supplied by the first defendant. They also claimed that the plaintiff had not complied with the requirements of ss 4 and 6(2) of the Hire-Purchase Act 1967 and therefore the hire-purchase agreements are unlawful and they are not liable for the guarantee. At the trial, it was also alleged that no demand for payment had been made against the second and fourth defendants. It was held that the first defendant was liable for all losses suffered by the plaintiff no matter how they arose and consequently the second and fourth defendants were liable as guarantors.]

[*Nota Penyunting*: Pihak defendan telah merayu kepada Mahkamah Agung menerusi Rayuan Sivil No 02-200-89.]

Kes-kes rujukan
1 *Mok Hin Wah* lwn *UMBC* [1987] 2 MLJ 610 (tidak diikut)
2 *Malayan Banking Bhd* lwn *Lim Chee Leng* [1985] 1 MLJ 214 (diikut)

Undang-Undang rujukan
Akta Sewa Beli 1967 s 4, 6(2)

Abdul Ghani bin Abdullah bagi pihak plaintif.
Vinayak Pradhan bagi pihak defendan.

Abdul Razak H: Pihak plaintif, di bawah satu perjanjian (disebut di sini sebagai 'perjanjian induk' ('master agreement') antaranya dengan pihak defendan kesatu, telah bersetuju menerima cadangan-cadangan (proposals) dari bakal penyewa-penyewa (intending hirers) barang-barang defendan kesatu, untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan sewa beli (hire-purchase) bagi penyewa-penyewa yang dikemukakan dari masa ke semasa oleh defendan kesatu, mengikut peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian induk itu. Sebagai balasan kepada plaintif memeterikan perjanjian itu, defendan kedua, ketiga, keempat dan kelima telah membuat satu perjanjian pula dengan pihak plaintif, bertarikh 3 December 1974, bahawa mereka, bersama-sama dan berasingan (jointly and severally) bersetuju akan menanggung (indemnify) rugi plaintif apabila dituntut (on demand) segala jumlah yang terhutang kepadanya (plaintif) oleh defendan kesatu di bawah perjanjian tersebut. Katanya, pihak defendan kesatu telah melanggar perjanjian itu dengan sebab mana sebanyak $359,255.50 masih terhutang oleh kesemua defendan pada 17 Jun 1979, dan belum dijelaskan. Jumlah itu adalah dituntut besama faedahnya atas kadar 6% setahun daripada 17 Jun 1979 hingga dijelaskan.

Selepas guaman itu dibuat, defendan kesatu tidak lagi menjadi isu kerana pihak plaintif, di awal perbicaraan telah mengumumkan pengguguran tuntutan terhadap defendan itu, kerana ia telah menjadi muflis. Defendan ketiga tidak dapat dikesan. Defendan kelima juga telah menjadi muflis. Perbicaraan, oleh itu, adalah terhadap defendan kedua dan keempat sahaja.

Defendan kedua dan keempat tidak mempertikaikan jumlah sebanyak $359,255.50 yang dihutang, tetapi mempersoalkan samada defendan kesatu ada membuat perjanjian dengan pihak-pihak penyewa tersebut, dan mempertikaikan samada barang-barang terbabit telah diserahkan kepada pihak-pihak pembeli. Oleh itu, katanya, tuntutan plaintif terhadap wang yang berasaskan sewa beli itu tidak boleh dibenarkan. Kerana itu, defendan kedua dan keempat tidak menanggung apa-apa tanggungan kepada pihak plaintif. Selain daripada itu, pihak plaintif didakwa tidak mematuhi syarat-syarat di bawah ss 4 dan 6(2) Akta Sewa Beli 1967. Oleh itu, perjanjian sewa beli itu adalah tidak sah; justeru darinya mereka tidak diwajibkan membayar apa-apa di bawah perjanjian jaminan itu.

Pada pendapat saya, pembelaan yang menyatakan bahawa tanggungan defendan kedua dan keempat itu tidak berbangkit kalau defendan kesatu tidak didapati bersalah, tidak berasas kerana perjanjian jaminan itu telah mengatakan kedudukannya dengan tidak berbelah bagi lagi, bahawa pihak defendan kedua ke kelima akan menanggung, apabila dituntut, segala jumlah yang harus dibayar (becomes payable) oleh pihak defendan kesatu kepada plaintif di bawah perjanjian induk itu. Kita telah lihat di bawah fasal 9 perjanjian tersebut bahawa defendan kesatu dikehendaki menanggung segala kerugian atau kerosakan yang menimpa pihak plaintif, samada timbul dari pencabulan terhadap perjanjian induk itu, atau timbul dari sebab perjanjian sewa beli itu sendiri tidak sah, atau menjadi tidak sah (*atas apa-apa sebab pun*) terhadap pihak-pihak yang menyewanya (tekanan oleh saya). Ini bermakna, dengan sepintas lalu, bahawa apapun kedudukannya antara pihak plaintif dengan pihak penyewa, *sah atau tidak sah*, pihak defendan kedua ke kelima adalah bertanggungjawab menanggung segala kerugian plaintif sekiranya pihak defendan kesatu gagal membayar jumlah wang yang harus dibayar di bawah perjanjian sewa beli antara plaintif dengan pihak-pihak penyewa. Kita telah diberitahu pihak defendan kesatu telah gagal membayar jumlah yang harus dibayar sebanyak $359,255.50 di bawah perjanjian induk, yang tidak dapat tidak bermakna jumlah yang harus dibayar di bawah perjanjian-perjanjian sewa beli itu.

Satu perkara lagi telah dibangkitkan oleh pihak defendan. Katanya tidak ada permintaan (demand) dibuat oleh plaintif kepada defendan kedua ke kelima terhadap jumlah yang dituntut, dan telah merujuk saya kepada kes Mahkamah Agung *Mok Hin Wah* lwn *UMBC*[1] atas hal ini, yang mengatakan bahawa tanpa permohonan, tuntutan itu tidak berasas. Saya rasa kes yang berpendapat se-

baliknya haruslah juga dilihat. Di dalam kes saya sendiri, *Malayan Banking Bhd* lwn *Lim Chee Leng*,[2] Mahkamah Agung telah memutuskan sebaliknya bahawa permohonan itu tidak perlu kerana writ itu sendiri bertindak sebagai permohonan. Kes *Mok Hin Wah*[1] di atas malangnya tidak mengkaji prinsip undang-undang yang diputuskan oleh *Malayan Banking Bhd* lwn *Lim Chee Leng*[2] tersebut. Bagaimanapun, adalah kaedah amalan yang tidak asing lagi, bahawa perlulah bagi pihak defendan membangkitkan bantahan terhadap kegagalan plaintif membuat permohonan itu di dalam kenyataan pembelaan atau afidavitnya, tetapi ini telah tidak dilakukan.

Saya memutuskan bahawa penghakiman dijatuhkan terhadap defendan kedua dan keempat dengan bayaran kos. Saya juga memutuskan bahawa faedah dikenakan sebanyak 8% dari tarikh kes ini difail hingga ia dijelaskan.

Tuntutan plaintif dibenarkan.

Peguam: *Abdul Ghani & Co*; *Skrine & Co.*

Dilapurkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*

Algemene Bank Nederland NV v Kace Advertising Sdn Bhd & Ors

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) - CIVIL SUIT NO C2964 OF 1984
VC GEORGE J
22 APRIL 1989

Banking - Guarantee - Whether company had knowledge of loan credited to account - Whether knowledge of guarantors of loan essential - Construction of guarantee - Liability for all sums due at any time anywhere on any account

The plaintiff made a loan to the first defendant under the Small Loans Scheme ('SLS') sponsored by the government, and was secured by guarantees executed by the second, third and fourth defendants. The plaintiff applied under O 14 and O 18 r 19 to enter judgment against all the defendants. The first defendant denied entering into a contract to borrow and contended that it had no knowledge of the same. Alternatively, they contended that the bank had failed to comply with the rules and regulations of the SLS and since the first defendant had not accepted the loan scheme, the claim was untenable and unenforceable. The other defendants contended that the amount owing on the overdraft for which they had agreed to indemnify the bank, was completely paid and settled in May 1982, when the sum of $30,000 under the SLS was credited to the first defendant's account and subsequently overdrawn. Further, they contended that the guarantee given did not cover the loan under the SLS that was credited to the overdraft account.

Held, allowing the plaintiff's appeal:

(1) It is undisputed or cannot be disputed that the first defendant had been banking with the plaintiff for a number of years and had successfully applied for various banking facilities. The first defendant had formally applied for a loan under the SLS on 21 August 1981 and their account was credited with the $30,000 on 7 May 1982, reducing the debit balance in the account. The suggestion that the first defendant was not aware of the approval of the SLS loan was unacceptable as they must have been aware that the account was overdrawn and the crediting of $30,000 could not have escaped their notice. The other defendants had conceded that the account was credited with the $30,000 loan and directors, being the alter ego of the company, their knowledge is the knowledge of the company.

(2) The other defendants who were also the directors of the first defendant had, under the letter of guarantee, agreed to pay on demand all amounts owing by the first defendant at any time anywhere on any account. Their contention that the guarantee was only in respect of one particular account is inconsistent with cl 1 of the guarantee. The suggestion that they were unaware of the application for the loan is unacceptable as they were the directors and must be deemed to know what the company was doing. In any event, their lack of knowledge of the loan does not do away with their obligation to pay on demand all sums of money which are due at any time owing to the bank anywhere on any account whatsoever.

Liza Chan (Ms) for the plaintiff.
Kan Weng Hin for the first defendant.
Belinda Tan (Ms) for the second, third and fourth defendants.

Cur Adv Vult

VC George J: The plaintiff bank's claim against the first defendant as stated in the statement of claim is for 'the sum of $31,841.06 as at 29 February 1984 with interest thereon at 7.5% till date of settlement being in respect of 'SLS loan' facility of $30,000 granted to the first defendant, full particulars of which are within the first defendant's knowledge'. The claim against the second, third and fourth defendants is as guarantors 'of all sums due and owing by the first defendant to the bank'. 'SLS' has reference to what is known as the Small Loans Scheme sponsored by the government by which banks are allowed to lend money at rates of interest very much less than the prevalent rate of interest in ordinary bank loans.

The first defendant, by its statement of defence, denies having entered into any contract to borrow $30,000 from the plaintiff, and contends that it has no knowledge of the particulars of the alleged loan. By an amended statement of defence, the first defendant pleads, in the alternative, to the effect that even if the bank had disbursed such a loan to the plaintiffs, there was failure on the part of the bank to comply with the rules and regulations of the SLS loan scheme and that in any event the first defendant had not accepted the loan scheme and that accordingly the claim is untenable and is unenforceable.

The second, third and fourth defendants also delivered a statement of defence. They say that they did agree to indemnify the bank in respect of overdraft facilities the bank had extended to the first defendant 'and nothing further'. They contend that the amount owing on the overdraft operated under a current account was completely paid and settled on the 7 May 1982 when the